

Zoologi Kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Pentadbiran dan Pemeliharaan Hidupan Liar, 1911 – 1941

Colonial Zoology in the Federated Malay States: Wildlife Administration and Conservation 1911-1941

Muhammad Firdaus Fadzizi
¹Mohd Shazwan Mokhtar

Program Sejarah
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: ¹msm@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini meneroka bidang sejarah alam sekitar di Malaysia ketika era kolonial yang sering terbatas dalam wacana politik dan sosial. Pengenalan undang-undang pertama berkaitan perlindungan haiwa pada tahun 1911 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) oleh British menunjukkan wujudnya kepentingan zoologi dalam pentadbiran kolonial. Pada peringkat NNMB, undang-undang tersebut digunakan untuk mengawal aktiviti pemburuan haiwan oleh pemburu Eropah. Walau bagaimanapun, tiada kajian jelas yang menghubungkan kait kepentingan wujudnya pentadbiran kolonial berkaitan zoologi dengan aktiviti pemburuan di haiwan NNMB. Oleh itu, kajian ini meneliti pembentukan undang-undang berkaitan zoologi kolonial dan pengaruhnya terhadap aktiviti pemburuan haiwan. Penelitian ini dapat membuktikan kepentingan pengetahuan zoologi di NNMB terhadap kolonialisme British di Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan sejarah dalam membina pengetahuan zoologi era kolonial di NNMB. Justeru, rekod CO 576, 717, Sel. Sect. dan HCO digunakan bagi membuktikan pembentukan undang-undang dan pentadbiran zoologi kolonial. Hasil kajian mendapati perlindungan haiwan liar dikawal melalui Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1911, Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1921 dan 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1925'. Kepentingan pentadbiran perlindungan haiwan liar di NNMB adalah untuk mengawal aktiviti pemburuan Eropah seperti 'Big Game', 'Rare Birds', 'Deer' dan anggota haiwan dijadikan hadiah kepada orang kenamaan Eropah.

Kata Kunci: Hobi Memburu, Enakmen, Pentadbiran Perlindungan Haiwan

ABSTRACT

This article explores the field of environmental history in Malaysia during the colonial era which was often limited in political and social discourse. The introduction of the first law related to the protection of animals in 1911 in the Federated Malay States (NNMB) by the British shows the importance of zoology in the colonial administration. At the NNMB level, the law is used to control animal hunting activities by European hunters. However, there is no clear study that links the importance of colonial administration related to zoology with hunting activities in NNMB animals. Therefore, this study examines the formation of laws related to colonial zoology and its influence on animal hunting activities. This research can prove the importance of zoological knowledge at NNMB against British colonialism in Malaya. This study uses historical research methods in building zoological knowledge of the colonial era in NNMB. Thus, records CO 576, 717, Sel. Sect. and HCO used to prove the formation of colonial zoological law and administration. The results of the study

found that the protection of wild animals is controlled through the Enactment for the Protection of Wild Animals and Birds 1911, the Enactment for the Protection of Wild Animals and Birds 1921 and the 'Enactment for the Protection of Wild Animals and Birds 1925'. The importance of the wild animal protection administration in NNMB is to control European hunting activities such as 'Big Game', 'Rare Birds', 'Deer' and animal parts are given as gifts to European dignitaries.

Keywords: Hobby Hunting, Enactment, Animal Protection Administration

1. Pengenalan

Aktiviti mengumpul spesis-spesis haiwan bernilai tinggi di Negeri-Negeri Melayu telah menarik pemburu-pemburu profesional. Haiwan yang diburu oleh Residen akan diserahkan kepada jabatan muzium manakala haiwan yang mudah dijinakan akan menjadi haiwan peliharaan atau dijadikan hadiah kepada masyarakat eropah yang berkedudukan tinggi. Manakala haiwan yang berjaya dikumpul oleh pemburu eropah akan dijual melalui '*Crown agent*' kepada muzium-muzium di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Colonial Offices 576/4 1909). Muzium akan menjadikan haiwan sebagai koleksi bagi mengembangkan penyelidikan zoologi dengan menerbitkan jurnal berkaitan haiwan yang '*rare*' dijumpai serta melakukan pertukaran haiwan dengan muzium negara Amerika Syarikat, muzium empayar India, Calcutta, muzium Raffles, Singapura dan semua insitusi pengumpulan spesimen haiwan seperti "*Garden of the Zoological Society of London*".

Pengumpulan haiwan bagi tujuan penyerahan kepada muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dikelompok kepada mamalia, burung dan reptilia. Haiwan yang dijumpai akan dijual kepada muzium sejarah semula jadi, Kensington Selatan sebagaimana dipersetujui oleh pentadbiran muzium British (Colonial Offices 576/7 1910). Kelompok haiwan mamalia dan reptilia merupakan haiwan-haiwan pemangsa seperti buaya, harimau, harimau bintang, harimau kumbang, beruang dan ular sawa telah termaktub dalam rekod polis dan jenayah. Haiwan tersebut telah disenaraikan sebagai punca kematian dan kehilangan penduduk (Colonial Offices 576/6 1919). Justeru itu, ganjaran berbentuk wang akan diberikan kepada pemburu yang berjaya menangkap haiwan tersebut. Serangan haiwan pemangsa yang mematikan ketika terancam tidak menjadi penghalang kepada hobi memburu Residen British dan pemburu eropah.

Selain itu, enakmen perlindungan haiwan dan burung liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah membawa kepada pembentukan jabatan hal ehwal pemburuan haiwan, pemeliharaan hidupan fauna, dan kawalan penggunaan senjata api dalam kegiatan memburu. Tindakan Kolonial dalam mewujudkan kawasan permainan memburu setelah kelulusan Enakmen Rizab Melayu pada tahun 1913 setelah mengetepikan tanah orang Melayu yang luas di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (David Baillargeon, 2021). Justeru itu, Rizab permainan memburu di Negeri-Negeri Melayu terdiri daripada '*Krau Game Reserve*', dan '*Gunong Tahan Game Reserve*' terletak di Pahang, '*Sungkai Game Reserve*' di Perak dan '*Serting Reserve*' di Selangor. Rizab permainan tersebut akhirnya membawa penaiktarafan menjadi "*King National Park*" pada tahun 23 June 1939.

2. Tinjauan Literatur

Kajian sejarah mengenai pentadbiran kolonial berkaitan zoologi dengan aktiviti pemburuan di haiwan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1911 hingga tahun 1940 boleh dikatakan terhad. Perbincangan mengenai haiwan dan manusia dalam perseptif orang Melayu telah dibincangkan oleh pengkaji lepas walau bagaimanapun adalah sekitar bersifat tematik dan tidak menyeluruh. Bagi memberi pencerahan terhadap tinjauan literatur lepas yang dibuat, pendekatan tematik akan diguna pakai sebagaimana tema perbincangan tersebut.

2.1 Alam Haiwan dalam Masyarakat

Penelitian awal ke atas kajian-kajian sedia ada berkaitan haiwan menurut perseptif Melayu ialah dikaitkan dengan alat kesukanan dan persembahan untuk meraikan keluarga golongan bangsawan atau raja contohnya upacara pertunangan Raja Budak Rasul dengan Raja Muda manakala hubungan British dengan haiwan lebih kepada pemburuan haiwan dengan tujuan menjadikan aktiviti tersebut sebagai satu hobi dan untuk mengembangkan zoologi kolonial melalui dokumentasi berkaitan haiwan dan dokumentasi berkaitan penerbitan jurnal muzium (Charles, 1921). Pengumpulan haiwan oleh British melalui hobi memburu menyebabkan terdapat spesis haiwan yang liar dijadikan pengukur kepada kehebatan memburu terutamanya specimen haiwan seladang. Hasil pemburuan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu akan ditukarkan dan dihantar kepada muzium negara Amerika Syarikat, muzium empayar India, Calcutta, muzium Raffles, Singapura dan semua insitusi pengumpulan specimen haiwan seperti "*Garden of the Zoological Society of London*".

Charles Mayer, dan Alfred Russel Wallace menjelaskan pemburuan haiwan dalam kalangan British bertujuan mengembangkan zoologi kolonial dan dijadikan hobi memburu. Namun begitu karya Alfred juga menekankan sifat British yang gemar melakukan kajian terhadap haiwan merupakan sebab pemburuan gemar dilakukan di hutan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Penekanan terhadap pemburuan haiwan untuk tujuan penyelidikan dan saintifik merupakan aspek yang diberikan penekanan dalam karya Wallce (Alfred Russel, 2000). Buktinya terdapat specimen yang dikumpul di Tanah Melayu digunakan untuk penyelidikan dan sesetengah specimen berada di muzium dan pusat penyelidikan di London.

Dalam penulisan Azharudin, alam haiwan dalam masyarakat orang Melayu sememangnya akrab dengan alam membawa maksud kehidupan di kawasan penempatan telah diterokai atau sebahagian daripada aktiviti kehidupan masyarakat. Konteks ini dapat difahami dengan pengamatan manusia terhadap alam akan memberi pengetahuan secara mendalam tentang flora dan fauna serta fungsinya dalam bidang perubatan tradisional. Kawasan penempatan berdekatan hutan menyebabkan masyarakat Melayu menjadikan hutan sebagai sumber makanan dengan memburu haiwan liar seperti kijang, rusa dan burung (Azharudin, 2022). Justeru itu, penelitian mengenai kegiatan British terhadap kehidupan liar di NNMB merupakan aspek yang diberikan penekanan untuk mengenal pasti adakah British tertarik mengenal jenis-jenis haiwan di NNMB atau sebaliknya iaitu menjadikan haiwan liar sebagai sumber makanan seperti mana masyarakat Melayu Tradisional lakukan.

Selain itu, menurut perseptif Jeffrey A. McNeely haiwan dikaitkan dengan Mitologi Hindu Buddha dan adat istiadat. Bagi mengetahui baik dan buruk sesuatu aktiviti, bunyi yang dikeluarkan serta keberadaan sesuatu haiwan merupakan satu peringatan awal kepada masyarakat. Kepercayaan masyarakat terhadap peranan haiwan akhirnya menjadikan

komunikasi berlaku untuk mengetahui masa depan dan bencana yang berlaku. Kebergantungan masyarakat kepada haiwan yang dianggap membantu kehidupan harian akhirnya menyebabkan unsur haiwan telah dimasukkan dalam agama animism (Jeffrey, 1991).

2.2 Haiwan dalam perseptif Kolonial

Haiwan dalam perseptif kolonial dapat diketengahkan melalui karya Leonard Y. Andaya yang bertajuk *The Bird of Paradise* menerangkan Asia Tenggara kaya dengan flora dan fauna seperti burung Cenderawasih, tanduk badak sumbu, dan sarang burung yang boleh dimakan. Namun demikian, penulisan Leonard lebih memberi tumpuan kepada burung syurga. Burung Cenderawasih mempunyai bulu yang cantik sehingga dijadikan sasaran perdagangan haiwan. Masyarakat sepanyol menjadikan bulu burung tersebut sebagai hiasan rumah bahkan ketarikan bulu Cenderawasih mula mendapat perhatian masyarakat China, India, dan Arab (Leonard Andaya, 2017). Justeru itu, perdagangan burung Cenderawasih semakin meningkat dan gelaran burung tuhan diberikan kerana sering dijual tanpa kaki. Haiwan dalam perseptif kolonial telah memberikan tumpuan kepada minat British terhadap burung-burung di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sehingga terbentuknya 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1911', 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1921' dan 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1925'.

Penggunaan asas keperluan manusia seperti air dan mengumpul hasil hutan menyebabkan penduduk terdedah dengan serangan haiwan pemangsa. Justeru itu, haiwan dalam perseptif kolonial di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu menyentuh isu haiwan reptilia dan haiwan mematikan pemangsa iaitu buaya. Buaya merupakan haiwan yang banyak membunuh masyarakat terutamanya di Sungai Linggi. Sungai Linggi disifatkan kawasan berair yang paling mematikan kerana banyak masyarakat menjadi mangsa kepada serangan buaya. Walaupun sungai tersebut didapati terdapat buaya namun masyarakat terpaksa mendekatinya kerana memerlukan air dalam kehidupan. Justeru itu, pemburuan haiwan liar oleh British adalah untuk memberikan jaminan keselamatan kepada masyarakat daripada terus menjadi mangsa serangan haiwan. Selain itu, haiwan pemangsa iaitu buaya turut dikaitkan dengan kepercayaan orang Melayu iaitu buaya putih punca empangan pecah (Ambrose, 2011). Namun begitu, perseptif kolonial ialah haiwan pemangsa seperti buaya digunakan untuk tujuan komersial iaitu menghasilkan bag kulit buaya dan peti penyimpanan tabaco menggunakan kulit buaya. Justeru itu, haiwan dalam perseptif kolonial mengaitkan memburu haiwan bertujuan sebagai hobi, mengembangkan zoologi kolonial dan bagi tujuan komersial.

Haiwan turut dikaitkan sebagai ancaman keselamatan kepada penduduk dan kemusnahan hasil pertanian disebabkan haiwan liar. Menurut karya yang ditulis oleh Theodore R. Hubback iaitu pegawai British yang bertanggungjawab terhadap pemerintahan di Selangor juga telah menyokong kenyataan oleh George Maxwell dan Charles Meyer iaitu gajah merupakan ancaman keselamatan bagi tanaman yang diusahakan oleh masyarakat. Gajah dikatakan bertindak ganas di Selangor dengan merosakan tanaman padi masyarakat Banjar dan memusnahkan kawasan penempatan sementara di Ulu Selangor (Charles, 1921). Namun begitu, terdapat enakmen perlindungan haiwan dan burung melarang aktiviti menembak gajah tanpa kebenaran penguatkuasaan perlindungan haiwan iaitu 'Game Warden' dan 'Game Ranjer'.

Pemburuan gajah yang melibatkan British telah disebut dalam tiga karya yang ditulis oleh George Maxwell, Theodore R. Hubback dan Charles Meyer. Usaha memburu gajah yang mengancam keselamatan rakyat, memusnahkan tanaman dan harta serta membawa kecederaan dan kematian telah menyebabkan Charles Meyer mengambil tindakan menangkap gajah liar. Justeru itu tindakan memasang perangkap kayu berjaya menangkap 60 ekor gajah. Kejayaan tersebut menyebabkan Meyer dikenali sebagai Tuan Gajah. Selain itu, kenyataan Charles Meyer iaitu gajah memberi ancaman keselamatan dan kemusnahan tanaman disokong oleh George Maxwell dalam karya *In Malay Forest*. Penderitaan yang dihadapi oleh masyarakat disebabkan gajah liar menyebabkan Maxwell bertindak memburu gajah Blat (George Maxwell, 1907). Walaupun gajah blat berjaya ditembak oleh Maxwell namun masih tetap berjaya melarikan diri dan luka tembakan tersebut telah sembuh setelah lumpur melekat. Justeru itu, gajah blat dianggap mempunyai keistimewaan kerana kekebalan.

Peter Boomgaard tidak asing dalam penelitian berkaitan haiwan liar. Beliau menyatakan hubungan manusia di Alam Melayu tidak asing dengan haiwan liar seperti harimau, harimau bintang dan clouded leopard. Perpindahan haiwan liar dari satu kawasan ke kawasan bergantung kepada perubahan ekologi turut dinyatakan. Justeru itu, Peter telah menyatakan jumlah harimau di Tanah Melayu sebanyak 500-600 ekor. Sumbangan penelitian karya awal tersebut telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji iaitu jumlah harimau di Tanah Melayu dipengaruhi oleh perubahan ekologi atau kesan aktiviti British terhadap penerokaan hutan (Peter Boomgaard, 2001). Meskipun karya Peter menyentuh habitat harimau di Tanah Melayu namun penelitian lebih tertumpu kepada kehidupan haiwan liar yang terdapat di Indonesia, terutamanya Pulau Jawa dan Sumatera.

Aktiviti memburu harimau di daerah Kemaman pada tahun 1949-1951 telah dilakukan oleh A. Locke. Beliau yang memegang jawatan pegawai daerah menyifatkan aktiviti memburu harimau untuk melindungi masyarakat dari ancaman haiwan liar. Menurut A. Locke sifat harimau yang membunuh pemangsa dibahagikan kepada dua iaitu harimau yang berada di kawasan penempatan masyarakat akan membunuh dan memakan haiwan ternakan manakala harimau yang berada di hutan tebal dan jauh dari kawasan penempatan manusia akan menjadikan haiwan liar yang lain sebagai pemangsa (A.Locke, 1954). Sumbangan karya ini membantu pengkaji mengetahui tujuan kegiatan British menerokai hutan dan memburu haiwan liar untuk keselamatan penduduk. Namun begitu penulisan A. Locke merupakan penelitian kehidupan haiwan liar lebih tertumpu di hutan Terengganu.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

Metodologi utama yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang merupakan kaedah umum dalam kajian bidang sejarah. Kaedah kualitatif akan melibatkan proses pengumpulan sumber primer serta sekunder lalu menjalankan proses heuristik, tafsiran dan kritikan terhadap sumber-sumber tersebut. Oleh itu, kajian ini akan mengguna pakai sumber primer dan sekunder yang bertepatan dengan tajuk kajian. Namun, kaedah kuantitatif turut akan diguna pakai terutamanya bagi persembahan serta analisis data yang diperolehi daripada sumber-sumber primer.

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Dalam penggunaan sumber primer, kajian ini akan bergantung pada sumber-sumber kolonial khususnya dokumen rasmi seperti fail pejabat kolonial C.O. 717 (Federated Malay States:

Original Correspondence), C.O 576 (Federated Malay States: Sessional Papers) serta Prosiding Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP) yang terdapat dalam koleksi media PTSL, UKM yang berbentuk mikrofilem. Selain itu, sumber dari Arkib Negara Malaysia seperti fail Pesuruhjaya Tinggi British (H.C.O), Setiausaha Kerajaan Negeri seperti Sekretariat Selangor (Sel. Sect), Laporan Tahunan NNMB (F.M.S. Annual Report), dan Fail Sanitary Board.

Sumber primer yang wujud secara digital juga akan digunakan seperti hansard-hansard parlimen United Kingdom yang boleh diakses di laman web <https://hansard.parliament.uk/>. Selain itu, sumber akhbar digital berkaitan carian topik zoologi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Singapura seperti Straits Echo, Malaya Tribune, Singapore Free Press and Mercantile Adviser dan Straits Time boleh diakses di laman web <https://eresources.nlb.gov.sg/>. Penggunaan akhbar dalam kajian ini juga bertujuan bagi menilai pentadbiran zoologi yang dilaksanakan British.

Bagi pengumpulan sumber sekunder pula, penulis mengguna pakai sumber-sumber yang muftabar dengan kaedah kepustakaan terutamanya sumber yang wujud di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Lingkungan 2 dan Perpustakaan Alam, Tamadun Melayu (PATMA) dan Perpustakaan Undang-Undang yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penulisan para sarjana dalam bidang sejarah merangkumi jenis-jenis seperti artikel, jurnal, prosiding dan buku telah digunakan sebagai rujukan dalam penulisan kajian ini.

3.2 Analisis Data

Analisis data bagi kajian ini amat bergantung pada analisis kualitatif sumber-sumber primer yang dikumpul oleh penulis. Penggunaan sumber primer yang merangkumi kebanyakan jabatan kolonial di Tanah Melayu terutamanya dari NNMB di samping sumber dari jabatan lain menjadikan kajian ini lebih objektif dan mendalam. Kepelbagaian sumber primer yang digunakan juga menjadikan topik perbincangan lebih kuat dan menyeluruh. Kaedah kuantitatif turut bakal digunakan dalam penafsiran yang wujud dalam sumber primer khususnya melibatkan data yang wujud. Data yang diperoleh seterusnya akan dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi melihat hubung kait dengan maklumat yang dinyatakan dalam sumber primer. Kaedah ini turut digunakan bertujuan sebagai nilai tambah (supplementary) terhadap kaedah kualitatif yang telah digunakan.

3.3 Kawasan Kajian

Kawasan kajian adalah meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang mana berlakunya aktiviti memburu bagi mengembangkan zoologi kolonial.

4. Dapatan dan perbincangan

4.1 Undang-Undang Pemeliharaan Hidupan Liar

4.1.1 Ketua Setiausaha Kerajaan.

Mana-mana penguatkuasaan dan penggubalan undang-undang di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan termasuklah yang berkaitan dengan perundangan berkaitan haiwan. Melalui Majlis Mesyuarat Persekutuan setiap jenis undang-undang kebiasaannya diusulkan oleh Residen dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan.

Pada tahun 1911 sebuah undang-undang tentang haiwan pertama kali diluluskan. (Selangor 757/1931)

Enakmen perlindungan haiwan dan burung pada tahun 1911 merupakan undang-undang pertama di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Menerangkan *'Big game'* ialah aktiviti memburu dengan mengambil atau membunuh haiwan dalam jadual kedua menggunakan sumpit atau pistol. *'Deer'* bermaksud spesis haiwan yang dalam jadual ketiga. *'Rare birds'* ialah spesis burung yang tidak banyak didapati di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Justeru itu, bagi mengawal ancaman kemusnahan habitat haiwan melalui *'big game'*, ketua setiausaha akan bertindak mengemukakan undang-undang dan meluluskan pemeliharaan fauna yang dicadangkan oleh Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu kepada Majlis Mesyuarat Persekutuan sebelum digazetkan (Colonial Offices 103/1 1911).

Arahan terhadap pemeliharaan haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu akan dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan dari semasa ke semasa seperti terkandung dalam *'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911'*, *'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1921'*, dan *'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925'*. Enakmen tersebut mengandungi tempoh musim memburu yang ditetapkan oleh ketua setiausaha kerajaan bertujuan mengawal populasi fauna. Aktiviti menembak dan menjerat haiwan dapat dikawal melalui larangan memburu pada musim pembiakan haiwan mamalia, burung dan reptilia (Federated Malay States Government Gazette November 15, 1911). Penutupan musim memburu bertujuan memastikan habitat haiwan tidak mengalami kepupusan setelah tarikan memburu melalui *'Big Game'* menyebabkan pemburu profesional meneroka hutan tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu bagi mengumpul pelbagai habitat fauna yang unik dan sukar dijumpai di eropah.

'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911' dengan kelulusan Ketua Setiausaha Kerajaan telah mengemukakan denda iaitu tidak melebihi \$100 bagi pemburu yang membunuh, menembak, dan menjerat rusa dan denda tidak melebihi \$ 500 bagi haiwan mamalia dan reptilia serta denda tidak melebihi \$5 bagi burung selepas tutup musim memburu iaitu ketika pembiakan haiwan (Pinang Gazette and Straits Chronicle, 1911). Proses pembiakan haiwan telah menyebabkan haiwan berkerumunan pada satu tempat untuk menawan. Pemburuan pada musim tersebut akan memusnahkan habitat haiwan rusa dan burung. Namun begitu, larangan memburu ketika musim pembiakan haiwan juga dikemukakan melalui enakmen iaitu tidak dibenarkan memburu melebihi enam bulan dalam satu tahun (Federated Malay States Government Gazette November 15, 1911). Tindakan tersebut bagi menjamin kemandirian spesis haiwan yang sukar dijumpai terutamanya burung merak, burung rajawali, burung raja laut dan kambing gurun.

Selain itu, kebenaran menjerat burung tidak melebihi enam bulan akan berubah sekiranya terdapat usul oleh Residen di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terhadap keunikan haiwan. Pada tahun 1923 Residen Perak telah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Setiausaha Kerajaan bagi melarang sepenuhnya aktiviti menjerat dan menembak spesis burung merak dan ayam hutan, ayam denak serta ayam borga untuk satu atau dua tahun. Impaknya perlindungan haiwan tersebut dapat ditingkatkan setelah larangan memburu bagi tempoh dua tahun telah diluluskan dalam *'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1921'* di bawah seksyen sembilan (Sel. Sec 1957/0225311). Perubahan Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar juga akan berubah mengikut tahun setelah Ketua Setiausaha Kerajaan menerima usul dari Residen misalnya pada tahun 1931 terdapat enakmen larangan menembak dan membunuh rusa, kijang, Napoh, Pelandok, Kanchil di daerah Ulum Telom, Tanah Rata dan Ringlet di Cameron Highlands.

Fauna yang unik dan jarang ditemui menyebabkan terdapat usul berkaitan larangan memburu dikemukakan oleh Residen kepada Ketua Setiausaha Kerajaan. Justeru itu, sekiranya larangan memburu haiwan diketengahkan antara tahun 1912 sehingga 1924 menyebabkan undang-undang berkaitan memburu atau pemeliharaan fauna akan dipinda dan termaktud dalam “Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung 1921” manakala bagi tahun 1925 sehingga 1941 akan dipinda dan termaktud dalam “Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung 1925”. Pengelasan haiwan mengikut jadual dalam enakmen perlindungan haiwan liar seperti menambah atau mengeluarkan mana-mana jenis haiwan dalam jadual dua sehingga enam akan dilakukan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan iaitu (Federated Malay States Government Gazette, 1911)

In exercise of the power vested in him by section 6 of the “Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925” the Chief Secretary to Government that the name of following animals be added to the second schedule:

Elephant (Elephant maximus) ... Gajah

This order shall come into force upon the 15th day of May 1931 (Wild Life Preservation, Malaya: The Wild Animals and Birds Protection Enactment, 1925).

Haiwan yang berada dalam jadual “Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925” membolehkan pemburu menembak, menjerat, dan mengumpul fauna secara terkawal iaitu perlu mendapatkan lesen dari Residen dan hanya dibenarkan memburu mengikut musim. Selain itu bidang kuasa menetapkan haiwan dalam jadual enakmen perlindungan haiwan liar bertujuan untuk mengembangkan penyelidikan zoologi kolonial. Kambing gurun atau kambing gunung merupakan penangkapan spesis haiwan yang unik untuk penyelidikan zoologi. Haiwan tersebut telah ditangkap oleh Eric Maxwell di sekitar Ipoh (Colonial Offices 576/3 1908). Penemuan dua spesis kambing gurun yang unik dan sukar dijumpai menyebabkan satu daripadanya telah diberikan kepada jabatan muzium Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1908. Haiwan tersebut juga telah dihantar ke ‘*zoological society of London*’ untuk tujuan penyelidikan. Namun begitu, kambing gurun telah mati setelah beberapa hari di pusat penyelidikan taman zoologi kolonial. Kulit haiwan yang mati semasa penyelidikan zoologi kolonial akan diawet secara ‘taksidermi’ bagi tujuan pameran di muzium manakala haiwan yang hidup dihantar ke zoo.

Gajah betina dan haiwan dalam jadual kedua dalam ‘enakmen perlindungan haiwan liar 1911’ iaitu rusa sanbur betina, kijang, kambing grun, kambing hutan, kambing gunung, kambing yang tidak matang dilarang diburu kerana akan memusnahkan habitat haiwan. Pemburu mensasarkan haiwan besar sebagai hasil perniagaan dengan memperdagangkan anggota haiwan. Tindakan pemburu untuk mendapat haiwan besar dengan mudah dilakukan dengan memasang perangkap haiwan sekitar ‘salt lick’. ‘Salt lick’ bermaksud ‘jilat garam’ sekitar lopak air yang terbentuk selepas hujan. Kandungan garam mineral, magnesium, sodium dan zink yang terbentuk pada lopak air menyebabkan gajah, rusa, badak sumbu dan seladang sering mengerumuni tempat-tempat ini. Garam mineral merupakan sumber penting bagi kesihatan dan kehidupan haiwan (Sel. Sec. 1957/0211178).

Selain itu, kebiasannya pemburu professional akan memasang perangkap sekitar sungai atau sumber air disebabkan tanah yang lebat memudahkan pembentukan lopak air. Haiwan akan mengali dan menjilat tanah sekitar sumber air atau lopak air kerana mempunyai sulfur dan mempunyai suhu yang agak tinggi. Nama lain bagi ‘salt lick’ iaitu menjilat garam bagi haiwan ialah jenut atau kebiasannya disebut ‘taram’ di Pahang. Bagi di negeri Perak dan Kedah dikenali sebagai ‘sira’ manakala di Negeri Sembilan dikenali sebagai ‘sesap’ atau

‘sesapan’(Ibid). Justeru itu, melalui ‘enakmen perlindungan haiwan liar 1911’ telah menetapkan kesalahan bagi membunuh rusa sanbur dan gajah betina yang tidak matang kerana sekumpulan haiwan ini akan mengeremuni ‘salt lick’. Pemburu yang tidak bertanggungjawab dan memburu untuk tujuan perniagaan akan memasang jerat di ‘salt lick’.

Pada 5 Mei 1920 satu draf berkaitan ‘Big Game and Deer Enactment’ telah disediakan oleh Residen Pahang atas permintaan Messrs bagi memelihara habitat haiwan rusa. Draf ‘Big Game and Deer Enactment’ telah dirangka untuk diletakan dibawa perlindungan haiwan liar 1911 dan gagal dilaksanakan apabila ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1921’ memperluaskan pemburuan rusa. Di bawah undang-undang 1911 pemburu tidak dibenarkan menembak atau mengambil rusa sambur mankala di bawah undang-undang 1921 dibenarkan. Selain itu, tindakan memperluaskan pemburuan rusa juga dirujuk pada tahun 1925. Keseluruhan enakmen perlindungan haiwan liar 1911 disemak dan enakmen baharu yang dikenali sebagai ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1925’ diperkenalkan dan menjadi menjadi undang-undang pada 15 Februari 1926 (The Straits Budget, 1929).

Terdapat perubahan undang-undang dalam memburu rusa iaitu dibenarkan menjerat tiga ekor rusa bagi pemegang lesen murah berharga \$5. Bagi lesen murah kebenaran menjerat tiga ekor rusa menetapkan hanya satu rusa betina yang boleh dijerat atau ditembak. Manakala bagi lesen pemburuan berharga \$15 hanya membenarkan pemburu menjerat enam ekor rusa dan menetapkan hanya dua rusa betina dijadikan sebagai hasil pemburuan. Memburu rusa hanya dibenarkan bulan Julai sehingga Disember mankala 6 bulan berikutnya iaitu Januari sehingga Jun merupakan penutupan musim memburu (Ibid). Di samping itu, ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1925’ telah mengetengahkan perubahan dalam memburu haiwan. Keistimewaan yang sangat luas diberikan kepada pemburu dan penduduk di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu untuk menembak dan membunuh rusa besar dan kecil yang menyebabkan kerosakan kepada hasil tanaman.

JADUAL 1. Jumlah Pengeluaran Lesen bagi Membunuh, Menembak dan Mengumpul Rusa dari Tahun 1922 sehingga 1928 di Pahang.

Tahun	Bilangan Lesen Dikeluarkan	Harga (\$)
1922	18	\$15
1923	80	\$15
1924	113	\$15
1925	184	\$15
1926	162	\$5
1927	50	\$15
	215	\$5
1928	33	\$15
	283	\$5
Jumlah lesen	1 138	

Sumber: “Wanton Slaughter, The Straits Budget 18 April 1929 (The Straits Times 1931).

Berdasarkan jadual 1, hanya tahun 1927 dan 1928 menunjukkan dua jenis lesen pemburuan rusa dijual kepada pemburu dan penduduk tempatan. Lesen membunuh dan menjerat rusa dengan kuntiti tiga ekor berharga \$5 manakala lesen memburu enam ekor rusa dengan harga \$15 telah dijual. Penjualan lesen untuk menembak dan membunuh rusa di Pahang meningkat pada setiap tahun kecuali pada tahun 1926. Peningkatan penjualan lesen untuk menjerat rusa dilakukan kerana haiwan tersebut ialah haiwan perosak. Kemusnahan hasil pertanian disebabkan oleh rusa menyebabkan persatuan penanaman getah dan persatuan

pekebun Malaya telah menulis surat kepada ‘Game Department’ berkaitan rusa merupakan haiwan perosak (The Straits Times 1931).

Estet Sungai Mas yang mempunyai keluasan 150 ekar merupakan kawasan yang mengalami kemusnahan hasil tanaman yang teruk ketika larangan memburu rusa mengikut ‘Enakmen perlindungan haiwan liar 1911’. Namun begitu, di bawah ‘Enakmen perlindungan haiwan liar 1925’ yang membenarkan penduduk dan pemburu menembak rusa tetap dianggap tidak dapat mengatasi masalah kemusnahan hasil tanaman. Pada tahun 1927 kawasan tebus guna tanah di estet Sungai Mas berjumlah 47 ekar telah rosak disebabkan rusa. Justeru itu, sebanyak 50 peratus kawasan estet tersebut telah dipagar bagi mengatasi kemusnahan disebabkan rusa (The Straits Times 1931).

Terdapat perubahan terhadap ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1925’ berbanding ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1911’ bagi mengatasi kemusnahan hasil pertanian dari ancaman rusa. Justeru itu, ‘Game Department’ yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pemburu telah mengeluarkan lesen khas bagi memburu rusa pada tahun 1937 dan 1938 di Negeri-Negeri Melayu seperti berikut (Colonial Offices 576/63 1938);

JADUAL 2. Lesen Memburu Rusa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada Tahun 1937 dan 1938.

Tahun		
Negeri	1937	1938
Perak	148	190
Selangor	44	56
Negeri Sembilan	127	100
Pahang	213	211
Jumlah	532	557
Jumlah Keuntungan Penjualan Lesen (\$)	\$ 2, 600	& 2, 785

Sumber: C.O. 576/60 Annual Report on The Game Department, Federated Malay States, For the Year 1937 and C.O. 576/63 Annual Report on The Game Department, Federated Malay States, For the Year 1938.

Berdasarkan jadual 2, lesen memburu rusa bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1937 dan 1938. ‘Enakmen perlindungan haiwan liar dan burung 1295’ telah memperuntukan lesen khas bagi memburu, menjerat, menembak dan mengumpul rusa. Selain di bawah enakmen tersebut turut mengandungi lesen bagi memburu semua jenis haiwan melalui ‘Big game Licences’, lesen memburu burung sahaja, dan lesen memburu rusa dan burung. Berlaku peningkatan sebanyak 25 lesen yang dikeluarkan antara tahun 1937 dan 1938. Jumlah keuntungan yang dikutip oleh ‘Game Department’ dalam mengeluarkan lesen memburu rusa pada tahun 1937 dan 1938 ialah sebanyak \$ 5, 385 (Colonial Offices 576/60 1937). Penjualan lesen bagi memburu rusa bagi Negeri Pahang pada tahun 1937 dan 1938 merekodkan paling tinggi dengan masing-masing dijual sebanyak 213 dan 211. Pahang meghadapi ancaman haiwan perosak iaitu rusa pada tahun 1922 sehingga 1928 seperti yang diterangkan dalam jadual 3.1. Namun begitu, pada tahun 1937 dan 1938 Pahang menghadapi masalah yang sama iaitu ancaman kemusnahan hasil tanaman paling teruk berbanding Negeri Negeri yang lain. Kenyataan tersebut dijelaskan melalui penjualan lesen memburu rusa paling tinggi yang direkodkan.

4.1.2 Penguatkuasaan Perlindungan Haiwan Liar dan Burung oleh Residen

Bidang tugas Residen dalam dalam perlindungan perlindungan haiwan liar dan Burung di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah mengeluarkan lesen memburu. Lesen untuk menembak, membunuh atau mengambil haiwan melalui '*Big Game*' dan '*rare bird*' tertakluk kepada bidang kuasa Residen. Residen mempunyai kuasa mutlak dalam memberikan atau menolak lesen kepada mana-mana pemohon. Berdasarkan enakmen perlindungan haiwan dan burung telah menetapkan bidang kuasa Residen dalam pemberian lesen iaitu (Federated Malay States Government Gazette, 1911);

- a) Lesen dikeluarkan melalui borang I dalam jadual ketujuh atau dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan di bawah seksyen 26 sebagai gantinya, dan pembayaran dilakukan mengikut permohonan lesen dari semasa ke semasa melalui kaedah di bawah seksyen 25.
- b) Tempoh lesen memburu tidak melebihi enam bulan, kecuali berdasarkan budi bicara Residen (Federated Malay States Government Gazette 1921).
- c) Lesen memburu yang tamat tempoh perlu diperakui secara bertulis kepada Residen iaitu tidak membunuh haiwan dan menyatakan bilangan haiwan yang ditembak, dibunuh dan dikumpul melalui '*Big Game*'. Residen akan mengeluarkan lesen lanjutan secara percuma selepas dinilai.

Pengeluaran lesen memburu '*rare birds*' berada sepenuhnya dibawah kuasa Residen. Kadar pembayaran bagi lesen memburu '*rare bird*' sebanyak \$500 dan dibayar kepada perbendaraan Negeri sebelum mengambil lesen. Larangan memburu selepas enam bulan perlu dipatuhi dan sekiranya gagal Residen berkuasa melucutkannya (Federated Malay States Government Gazette 1921) Namun begitu, pengurangan kadar bayaran bagi mendapatkan lesen menembak atau menjerat '*rare birds*' akan diberikan kepada mana-mana pihak yang memohon bagi tujuan penyelidikan zoologi. Tindakan memperolehi lesen memburu '*rare Bird*' dilakukan iaitu (Federated Malay States Government Gazette 1911)

4.2 Pembentukan Jabatan Hal Ehwal Pemburuan Haiwan

'Game Department' terbentuk pada tahun 1921 mengikut '*Enakmen Perlindungan Haiwan dan Burung Liar 1921*' melalui lantikan Residen bagi menjawat Timbalan '*Game Warden*'. Berfungsi memelihara fauna semula jadi, menarik minat untuk memburu secara sah iaitu mempunyai lesen, dan mencegah kerosakan hasil tanaman dan harta benda oleh haiwan liar. '*Game Department*' bekerjasama dengan Jabatan Hutan, Jabatan Polis, Jabatan Perikanan, dan Jabatan Muzium bertujuan memelihara fauna berikutan aktiviti memburu haiwan liar menjadi tidak terkawal kerana menjadi hobi pemburu eropah serta mendapat permintaan yang tinggi terutamanya anggota haiwan iaitu kepala, gading, tanduk, kulit dan kaki haiwan (Federated Malay States Government Gazette, 1921). Kawalan dan pengawasan pemburuan akan dilakukan oleh '*game warden*', pegawai daerah, pegawai polis, pegawai hutan, pegawai perikanan dan pegawai Jabatan Muzium dengan memastikan pemburu membawa dan menunjukkan lesen ketika diminta.

'*Game warden*' mempunyai kuasa tertinggi dalam hal ehwal pemburuan haiwan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui lantikan sebagai timbalan Residen dan berkuasa menjalankan semua kuasa memelihara fauna haiwan (Federated Malay States Government Gazette, 1921). Penguatkuasaan pemberian lesen memburu, lesen menggunakan senjata api dan memberikan trofi melalui permainan memburu haiwan di '*Krau Game Reserve*', '*Gunong Tahan Game Reserve*' dan '*Sungkai Game Reserve*' dikawal selia oleh '*Game*

Warden'. Di samping mengendalikan aktiviti memburu melalui rizab permainan. 'Game Warden' bertindak mengawal kemusnahan hasil tanaman dari ancaman haiwan liar. Penduduk yang mengalami kemusnahan hasil tanaman atau tanah bercucuk tanam dibenarkan membunuh dan menembak haiwan liar. Namun begitu, penduduk yang membunuh haiwan perosak khususnya burung, rusa, gajah, seladang, dan badak sumbu perlu memberi maklumat tentang mana-mana haiwan yang dibunuh kepada 'Game Warden'. Balai polis turut menerima aduan kemusnahan pertanian disebabkan haiwan liar dan seterusnya tindakan memasang jerat dan pemburuan akan dilakukan oleh 'Game Warden' (Federated Malay States Government Gazette, 1926).

Tindakan penduduk melindungi hasil pertanian boleh dilakukan tetapi perlu melaporkan kepada 'Game Warden' berkaitan jenis haiwan yang dibunuh, bilangan haiwan yang cedera. Bilangan haiwan yang dibunuh mestilah tidak melebihi satu batu dari kawasan penanaman dan tidak dibenarkan membunuh lebih dua ekor haiwan. Laporan berkaitan kemusnahan hasil pertanian perlu dilaporkan kepada 'Game Warden', pegawai daerah dan balai polis bertujuan untuk mendapatkan kebenaran menjerat dan membunuh haiwan perosak semasa penutupan musim memburu iaitu waktu pembiakan (Federated Malay States Government Gazette, 1926). 'Game warden' atau mana-mana penduduk yang diberikan kuasa olehnya secara bertulis boleh menembak, membunuh atau mengambil mana-mana gajah yang mendatangkan bahaya kepada masyarakat dan ancaman kemusnahan pertanian. Selain itu, penduduk yang tidak mempunyai lesen senjata api akan dibantu oleh Penghulu Mukim dengan memberi surat bertulis kepada mana-mana orang lain untuk membunuh dan menjerat haiwan perosak bagi pihaknya dan tindakan tersebut perlu dilakukan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kebenaran bertulis dikeluarkan.

Surat bertulis yang dikeluarkan oleh Penghulu Mukim terhadap tuan tanah pertanian bagi mendapatkan pertolongan menembak haiwan perosak terutamanya rusa perlu dihantar serta merta kepada 'Game Warden'. Selain itu, peranan 'Game Warden' ialah meningkatkan keselamatan hasil pertanian penduduk dan mengutamakan pemeliharaan kehidupan liar. Kemusnahan kebun getah oleh rusa di daerah Tampin telah diatasi dengan pemasangan pagar yang diperbuat daripada dawai tenunan bagi menggantikan dawai buluh. Impaknya rusa tidak boleh memasuki kawasan pertanian. Hal ini berbeza dengan kemusnahan hasil tanaman disebabkan oleh Seladang, keupayaan dan kemahiran memburu yang tinggi diperlukan untuk membunuh Seladang. Justeru itu, Mr T.R. Hubback yang merupakan ketua 'Game Warden' di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat mempunyai kemahiran memburu Seladang (Colonial Office 576/34 1927). Seladang merupakan haiwan yang sukar dibunuh oleh mana-mana penduduk dan pemburu walaupun menggunakan senjata api.

Kemahiran memburu pegawai British dan pemburu eropah diukur melalui jumlah Seladang yang berjaya dibunuh dan dijerat. Seladang dianggap haiwan yang memberi ancaman kepada pemburu dengan berat boleh mencapai 900 kg dan mempunyai tanduk langsing yang melengkung di tepi. Pada tahun 1880an seorang pemburu 'Big Game Hunting' iaitu Sycthes, merupakan seorang ketua pegawai polis telah mati ditanduk seladang. Namun begitu, kemahiran memburu Mr T.R. Hubback dibuktikan melalui keberhasilan membunuh Seladang di Negeri Sembilan (Momin Khan, 2014). Pada tahun 1927, daerah Jelevu dan Kuala Pilah diancam oleh kehadiran Seladang. Menembak dan membunuh seladang dibenarkan sekiranya mengancam keselamatan penduduk dan memusnahkan hasil tanaman. Selain itu, kematian seorang wanita Cina di daerah Kuala Kubu pada Mei tahun 1938 juga disebabkan serangan seladang (Colonial Office 576/63 1938).

Serangan seladang di kawasan tersebut menyebabkan tindakan memburu ladang dilakukan pada 23 Mei 1938 oleh seorang ahli teksidermi dari Muzium Kuala Lumpur. Kerosakan harta benda dan ladang di Jerantut disebabkan seladang turut berlaku. Justeru itu, 'Game Warden' bertindak menembak seladang pada 23 September 1938. Pencegahan haiwan perosak iaitu seladang menggunakan pagar tidak berkesan disebabkan haiwan tersebut mempunyai tanduk yang besar. Walaupun seladang merupakan haiwan liar yang sukar diburu namun tarikan pemburu eropah dilihat melalui perolehan lesen 'Big Game'. Melalui 'Big Game Hunting' haiwan seperti seladang menjadi buruan pemburu eropah. Bertujuan mendapatkan trofi dan gelaran pemburu terhebat (Sel. Sec. 1957/0284430). Manakala pemburuan haram seladang dicegah melalui perlantikan 'Game Warden' sepenuh masa.

4.3 Perbincangan

Penglibatan British dalam zoologi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1911-1941 dikaitkan dengan hobi memburu, tujuan penyelidikan dan menjadikan anggota haiwan liar sebagai pemberian hadiah kepada masyarakat eropah yang berkedudukan tinggi dan berjawatan. Hobi memburu kemudiannya telah membawa kepada memburu untuk tujuan perdagangan. Anggota-anggota haiwan seperti kulit burung, buluh pelepah, kepala seladang, gigi harimau, kulit buaya, kulit biawak telah mendapat permintaan di pasaran kerana merupakan lambang kekuasaan dan barang perhiasan orang Eropah dan Pegawai British. Justeru itu, bagi mengawal populasi fauna di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1911', 'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1921', dan 'Enakmen Perlindungan Haiwan Liar dan Burung 1925' diwujudkan bagi menjaga kepentingan zoologi empayar kolonial dari ancaman pemburuan secara haram

5. Rumusan

Kesimpulannya, pihak pentadbiran kolonial British telah menjalankan pelbagai langkah bagi menjaga kepentingannya dalam bidang zoologi di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Langkah ini termasuklah melalui pembentukan undang-undang berkaitan zoologi kolonial dan pengaruhnya terhadap aktiviti pemburuan haiwan. Selain itu, perlindungan haiwan liar dikawal melalui Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1911, Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1921 dan 'Enakmen Perlindungan Haiwan dan burung Liar 1925. Bagi menguatkuasakan enakmen perlindungan haiwan dan burung kolonial telah membentuk jabatan hal ehwal pemburu pada tahun 1921 iaitu 'Game Department'. Kawalan memburu dan peningkatan keselamatan pertanian penduduk dari ancaman haiwan liar di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dilalakukan oleh 'Game Warden', 'Game Ranjer', Jabatan Hutan, Jabatan Polis, Jabatan Perikanan, dan Jabatan Muzium bertujuan memelihara fauna.

Jabatan Hal ehwal memburu iaitu 'Game Department' bertanggungjawab menguruskan penangkapan haiwan liar yang memberi ancaman kepada penduduk dan tanah pertanian serta mengenal pasti salah laku pemburuan haram. Selain itu, pemeliharaan fauna di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui kawalan senjata api, dan penubuhan Rizab permainan memburu ialah mengembangkan zoologi kolonial melalui dokumentasi berkaitan haiwan, di mana spesimen haiwan akan diawet secara 'taksidermi'. Manakala dokumentasi berkaitan penerbitan ialah menerbitkan jurnal muzium berkaitan spesimen haiwan. Dokumentasi berkaitan penerbitan juga dilakukan dengan menerbitkan jurnal berkaitan berkaitan haiwan yang 'rare' dijumpai serta melakukan pertukaran haiwan dengan muzium negara Amerika Syarikat, muzium empayar India, Calcutta, muzium Raffles, Singapura dan semua insitusi pengumpulan specimen haiwan seperti "Garden of the Zoological Society of London"

Rujukan

- Alfred Russel Wallace (2000). *The Malay Archipelago*. Singapore: Periplus (HK) Ltd
- Azharudin (2022). *Dunia Haiwan di Alam Melayu, Mitos, Mistik dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Locke. (1954). *The Tiger of Terengganu*. United Kingdom: Museum Press Limited.
- Ambrose B. Rathborne. (2011). *Camping and Tramping in Malaya*. Oxford: John Beaufoy Pub.
- Charles Mayer. (1921). *Trapping Wild in the Malay Jungles*. New York: Duffield and company
- C.O. 576/34. 1927. Federated Malay States, Negeri Sembilan Administration Report for the Year 1927, (PTSL MF 304 Gul.34).
- C.O. 576/4, Federated Malay States, Report on the Museums Department for the Year 1909, (PTSL MF 304 Gul. 4).
- C.O. 576/7, Federated Malay States, Report on the Museums Department for the Year 1910, (PTSL MF 304 Gul. 4).
- C.O. 576/6 Federated Malay States, Annual Report for the Year 1919, (PTSL MF 304 Gul. 6)
- C.O. 576/10, Federated Malay States, Report on the Museum Department for the Year 1912, (PTSL MF 304 Gul.10).
- C.O. 576/63 Annual Report on The Game Department, Federated Malay States, For the Year 1938. (PTSL MF 304 Gul. 63).
- C.O. 576/60 Annual Report on The Game Department, Federated Malay States, For the Year 1937. (PTSL MF 304 Gul. 60).
- C.O. 576/3, Federated Malay States, Report on the Museums Department for the Year 1908, (PTSL MF 304 Gul. 4)
- David Baillargeon, (2021), *Space of Occupation: Colonial Enclosure and Confinement in British Malaya*, United States: University of Texas.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the Wild Animals and Birds Protection 1911. November 15, 1911, No. 46, Vol III.
- Federated Malay States Government Gazette, An Enactment for the wild Animlas and Birds Protection 1921. January 20, 1921, No. 2, Vol XIV
- Federated Malay States Government Gazette. 1926. An Enactment for the Wild Animlas and Birds Protection 1925. February 10, 1926, No. 3, Vol XVIII
- Game Protection, Pinang Gazette and Straits Chronicle, 18 November 1911.
- Jeffrey A. McNeely & Paul Spencer 1991. *Soul of the Tiger*. New York: Oxford University Press

- Leonard Y. Andaya (2010). *Leaves of the Sama Tree*. Singapore: National Universiti of Singapura
- Peter Boomgaard. (2001). *Frontiers of Fear: Tigers and People in the Malay World, 1600-1950*. London: Yale University Press.
- Pocceeding of the Federal Council of the Federated Malay States for the Year 1911: The Wild Animlas and Birds Protection Enactment 1911. (PTSL MF 103 Gul 1.)
- Secretariat Selangor 1414/1923 Prohibition of the Shooting of Pea-Fowl and Jungle-Fowl Under the “Wild Animals and Birds Protection Enactment 192”. (ANM 1957/0225311)
- Secretariat Selangor 3377/1920, Big game and Deer Enactment. (ANM 1957/0211178)
- Secretariat Selangor 114/1935, Rules Under the Wild Animals and Birds Protection Enact, 1925, to Govern the Delivery of Perishable Trophies. (ANM 1957/0284430)
- Sir George Maxwell. 1907. In *Malay Forest*. London: William BlackWood & Sons Ltd
- “wanton Slaughter”, *The Straits Budget* 18 April 1929.
- Wild Life Inquiry in Pahang, *The Straits Times* 19 February 1931.